

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2015**

**SOALAN :**

**YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berhubung status peruntukan pembangunan RM1 juta di bawah ICU bagi semua Ahli Parlimen daripada pihak pembangkang dari tahun 2008 sehingga 2015, garis panduan permohonan serta prosedur memohon peruntukan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada setiap tahun menyediakan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara yang boleh digunakan untuk melaksanakan pelbagai program/projek khususnya untuk faedah dan manfaat rakyat di kawasan berkenaan. Pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program/projek ini di kawasan-kawasan Parlimen adalah diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri tertakluk kepada garis panduan dan peraturan semasa yang berkaitan.